

PENTERJEMAHAN KONTEKSTUAL LEKSIKAL *QĀLA* DAN DERIVASINYA DALAM AL-QURAN

Azani Ismail @ Yaakub
Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)
nhm3118@yahoo.com

Norasmazura Muhammad
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
norasma@iium.edu.my

Muhammad Fauzi Jumingan
Universiti Putra Malaysia (UPM)
uzi@fbmk.upm.edu.my

Azman Che Mat
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Dungun, Terengganu
azman531@tganu.uitm.edu.my

Abstrak

Tafsir fi Zilālil Quran merupakan karya agung yang tidak perlu diperkenalkan lagi. Umum mengetahui tentang kemuktabaran dan kemasyhuran kitab tafsir ini. Tafsir ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dunia, seperti bahasa Indonesia, bahasa Urdu, bahasa Inggeris, dan lain-lain. Terjemahan tafsir ini ke dalam bahasa Melayu juga telah wujud; hasil usaha gigih yang dilakukan oleh penterjemah Yusoff Zaky. Usaha terjemahan ini telah dilakukan oleh beliau dalam jangka masa yang lama, iaitu selama 11 tahun. Hal ini menunjukkan kegigihan dan ketekunan beliau dalam menghasilkan terjemahan yang mantap dan berkualiti untuk tatapan pembaca karya terjemahan. Menerusi makalah ini, pengkaji akan meneliti terjemahan yang dilakukan oleh beliau terhadap sampel yang terpilih, iaitu leksikal *qāla* dan derivasinya dengan menghuraikan sampel-sampel tersebut berdasarkan teori semantik dan komunikatif, garapan Peter Newmark (1981). Selain itu makalah ini juga bertujuan menilai tahap kekontekstualan terjemahan leksikal *qala* dan derivasinya dalam surah Taha.

Kata Kunci: *Penterjemahan, Qāla, al-Quran, Kontekstual dan Teoritis*

Pendahuluan

Aktiviti penting dalam proses pemindahan dan penyaluran ilmu yang terdapat dalam satu-satu bahasa agar ilmu tersebut dapat disampaikan dan dikongsikan sesama manusia sejagat. Leksikal *terjemahan* dari sudut bahasa Melayu menunjukkan maksudnya sebagai parafrasa, pengubahsuaian, ringkasan (Tesaurus Bahasa Melayu Edisi Kedua 2011: 281). Dalam bahasa Arab pula, terjemahan atau "*tarjamah*" bermaksud penerangan, tafsiran dan penjelasan, nukilan Fairuz Zabadi dalam *al-Mu'jam al-Wasīṭ* (Ibrahim Mustafa et. al. 1980: 83). Manakala padanan yang sinonim digunakan untuk leksikal terjemahan dalam bahasa Inggeris ialah "translation", iaitu perihal menterjemahkan karangan dan lain-lain, sesuatu yang diterjemahkan, perihal menjadikan kenyataan. (Kamus Dwibahasa DBP 2002: 1353).

Perkara yang telah disebutkan adalah antara contoh makna bagi leksikal *terjemahan* dari sudut katawi yang terdapat dalam kamus, samada kamus bahasa Melayu, bahasa Arab ataupun bahasa Inggeris. Adapun dari sudut istilah pula, terdapat perbincangan yang banyak berkaitan definisi *terjemahan*. Pandangan yang dimaksudkan adalah pandangan dari sisi sarjana, pengkaji dan penteoris ilmu terjemahan. Sememangnya terdapat pelbagai definisi atau takrifan yang telah diutarakan golongan ini. Antara tokoh terjemahan yang mengutarakan definisi terjemahan adalah seperti Peter

Newmark (1981), Catford (1965), Levy (1967), Larson (1984) Roger T. Bell juga mengutarakan definisinya berkaitan *terjemahan* dalam bukunya "*Terjemahan Produk dan Proses*" yang telah diterjemahkan oleh Zubaidah Ibrahim-Bell dan Syed Nurul Akla (2012: 6). Manakala Susan Bassnett Mc-Guirre (1991: 13) juga tidak ketinggalan mengemukakan definisi terjemahan mengikut perspektif beliau. Sememangnya perbincangan berkaitan definisi terjemahan boleh dikatakan begitu kompleks kerana terdapat pelbagai definisi terjemahan yang telah diutarakan oleh sarjana-sarjana bidang ini. Walau bagaimanapun menurut (Muhammad Helmi 2008: 7), yang juga selari dengan pandangan Ainon Muhammad dan Abdullah Hassan (2006), mengatakan definisi yang dilontarkan oleh Eugene A. Nida adalah lebih tepat dan menyeluruh, definisi yang diutarakan oleh beliau merujuk bahawa terjemahan adalah:

"penyalinan semula ke dalam bahasa penerima maklumat daripada bahasa asal dalam bentuk persamaan yang terdekat dan bersahaja; pertama dari segi maknanya, dan kedua dari segi gayanya".

Definisi oleh Eugene A. Nida dianggap tepat dan menyeluruh oleh Muhammad Helmi berkemungkinan disebabkan penambahan ayat "*dalam bentuk persamaan yang terdekat dan bersahaja*" yang menunjukkan bentuk persembahan sesuatu teks terjemahan kepada pembaca. Hal ini juga menunjukkan pentingnya kedudukan pembaca dalam memahami sesuatu teks terjemahan. Adapun definisi-definisi yang lain menekankan kepada proses semata-mata atau dengan kata lain aktiviti pengalihbahasaan dari satu bahasa ke bahasa lain.

Terdapat juga definisi yang dilontarkan oleh pengkaji tempatan berkaitan definisi terjemahan seperti, Muhammad Fauzi bin Jumingan dalam *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi* (2006: 84), Maheram Ahmad (2008: 114), Ainon Muhammad dalam bukunya *Panduan Menterjemah* (1994) Selain itu Abdullah Hasan dan Ainon Muhammad juga mengemukakan definisi lain sebagai penghuaraan kepada definisi yang diberikan oleh A. Nida (1964: 159). Selain itu Muhammad Arshad (2009:70) dalam kajiannya turut merumuskan tentang definisi terjemahan. Begitu juga Afandi Yusuf (2010: 34) juga cuba merumuskan tentang definisi terjemahan dengan mengatakan bahawa terjemahan ialah proses memindahkan maklumat yang disampaikan dalam satu bahasa, iaitu bahasa sumber ke dalam bahasa lain, iaitu bahasa sasaran. Proses ini mempunyai kesenian yang tersendiri, iaitu memerlukan kekreatifan penterjemah dalam memindahkan makna dan gaya.

Memang tidak dapat dinafikan perbincangan berkaitan definisi terjemahan ini terdapat kepelbagaian, namun pengkaji hanya menyenaraikan beberapa contoh definisi untuk tujuan kajian ini. Walaupun terdapat kepelbagaian dalam mendefinisikan leksikal *terjemahan*, kesemua definisi ini tetap mempunyai matlamat yang sama iaitu melibatkan satu proses perluasan ilmu yang melangkaui batasan sempadan bahasa, budaya, dan geografinya serta juga melibatkan masa (Muhammad Hafiz, 2012: 4). Lantaran perluasan ilmu yang melangkaui sempadan membawa kepada kemajuan dan membantu dalam pembangunan tamadun keilmuan manusia dan kehidupan mereka. Justeru, dalam memperluaskan lagi penyebaran ilmu, khususnya ilmu terjemahan, makalah ini bakal menampilkan satu lagi kajian berkaitan dengan ilmu terjemahan, khususnya berkaitan terjemahan ayat al-Quran.

Masalah kajian

Dewasa ini, aktiviti terjemahan melalui perkembangan yang memberansangkan. Hal ini boleh dilihat pada statistik terjemahan yang dihasilkan saban tahun. Walaupun bilangannya masih dikira sedikit, namun perkembangannya menampakkan suatu perubahan yang positif. Situasi ini juga ditambah dengan kehadiran kajian-kajian terjemahan yang dijalankan untuk tujuan pengajian lepas ijazah mahupun kajian untuk tujuan seminar keilmuan. Jika diperincikan lagi situasi ini, dalam terjemahan Arab-Melayu ini, perbincangan ilmiah berkaitan teori terjemahan moden menjadi suatu keperluan dalam aktiviti terjemahan. Makalah ini mengetengahkan satu teori terjemahan moden yang boleh digunakan dalam aktiviti terjemahan. Teori yang dimaksudkan adalah teori terjemahan semantik (TS) dan terjemahan komunikatif (TK) hasil garapan Peter Newmark 1981. Sebenarnya kedua-dua teori ini

samada teori semantik mahupun teori komunikatif mempunyai hubungkait antara satu sama lain dalam menterjemahkan sesuatu bahasa. (Goh Sang Seong et. al., 2003). TScuba untuk menghasilkan ujaran penulis asal dalam bahasa sasaran dengan setepat dan sedekat mungkin. Manakala TK pula amat mementingkan keperluan dan kehendak tahap bahasa khalayak sasaran. Atau dengan kata lain, terjemahan ini tidak setia dengan teks bahasa sumber, demi memberi fahaman yang menyeluruh kepada pembaca. Disebabkan teks kudus seperti al-Quran maka tidak ramai yang berani membuat kajian, mungkin kerana takut dosa yang akan diterima kerana tersalah terjemah dan tafsir (Muhammad Fauzi bin Jumingan, 2011). Maka makalah ini, cuba mengaplikasikan TS dan TK dalam penterjemahan Arab Melayu, khususnya dalam penterjemahan al-Quran.

Objektif kajian

Kajian ini mempunyai objektif yang ingin dicapai, objektif yang dimaksudkan adalah:

- 1) Menganalisis dan menghuraikan terjemahan Arab-Melayu leksikal *Qāladan* derivasinya dalam surah Tāha berdasarkan kerangka TS dan TK.
- 2) Menilai tahap kekontekstualan terjemahan leksikal *qāla* dan derivasinya dalam surah Tāha berdasarkan terjemahan Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (KBAMD), Kamus Arab-Melayu al-Marbawi (KAMAM), Kamus Arab-Melayu Oxford (KAMO), dan Kamus Arab-Melayu Muftah al-Tullab (KAMMT).

Metodologi kajian

Untuk tujuan kajian ini rekabentuk yang dianggap sesuai oleh pengkaji dalam menelusuri kajian ini adalah berteraskan rekabentuk *kajian kepustakaan, kualitatif, dan kuantitatif*. **Kajian kepustakaan** atau (*istiqla*) juga dikenali sebagai "*arm chair research*" (Ahmad Sanuwari Long 2007: 42) dan merupakan konsep yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Oleh yang demikian sumber rujukan utama yang mendasari kajian ini adalah hasil terjemahan yang bertajuk *Terjemahan Tafṣīr Fī Zilālil Quran* edisi terjemahan terbitan tahun 2000. **Kaedah kualitatif**, pulaberoreantasikan metod pengumpulan data melalui penelitian terhadap data-data yang telah dikenali pasti untuk dianalisis (Muhammad Hafiz 2012: 80). Penyelidikan kualitatif digunakan untuk tujuan mengkaji suasana atau proses yang sukar diukur dengan nombor. Menurut Sabitha Merican (2009: 11) pendekatan kualitatif penting apabila hendak meninjau sesuatu fenomena, ataupun membangunkan kefahaman dalam membentuk satu teori. Dalam konteks kajian ini kualitatif bermaksud, pengkaji menggunakan kajian analisis data teks terjemahan yang telah diterjemahkan yang melibatkan satu set daripada bahasa asal dan satu set terjemahan yang bercetak iaitu teks al-Quran terjemahan dengan penerapan teori yang terpilih iaitu teori semantik dan komunikatif.

Kaedah Kuantitatif dari sudut analisis data pula melalui kaedah kuantitatif pula, kajian ini akan menganalisis kekerapan sampel data secara peratusan yang menjadi tunjang kepada kaedah kuantitatif. Kajian ini tidak melibatkan kaedah kuantitatif yang kompleks seperti frekuensi, mod, min medium, sisihan piawai, kolerasi dan seumpamanya. Selain itu pengkaji menyertakan jadual dan rajah dalam menunjukkan dapatan kajian daripada analisis kaedah ini. Dengan kata lain kaedah kuantitatif dalam konteks kajian ini adalah ditahap asas sahaja kerana ianya hanya melibatkan analisis yang berbentuk *kekerapan* dan *peratusan* sahaja tanpa melibatkan data dan analisis kuantitatif yang kompleks seperti yang telah disebutkan dan tanpa menggunakan perisian teknologi moden seperti perisian SPSS.

Kajian Korpus mengikut Norwati Md. Yusuf, (2001: 108) mendefinisikan trend atau kajian menggunakan metodologi korpus sebagai mana-mana koleksi bertulis, dalam bentuk diproses atau tidak, yang kebiasaannya ditulis oleh pengarang atau penulis tertentu. Oleh yang demikian pengkaji merumuskan bahawa korpus itu merupakan **koleksi teks** atau **himpunan teks** atau **kumpulan bahan**

samada secara tradisional ataupun digital, mahupun berbentuk tulisan atau pertuturan yang dikumpulkan berdasarkan kriteria tertentu bagi tujuan yang tertentu. Hal ini adalah sejajar dengan saranan yang terdapat dalam The Oxford Companion to the English Language (1992) yang mendefinisikan korpus sebagai koleksi teks, lisan dan/atau bertulis yang disusun atur berdasarkan satu set kriteria yang jelas dan tentu.

Korpus kajian

Dalam konteks kajian ini, teks ataupun bahan yang disebut sebagai korpus adalah teks ayat al-Quran dan teks terjemahannya. Teks terjemahan yang dimaksudkan adalah *Terjemahan Tafsir Fī Zilālil Qur'an* yang diterjemahkan oleh Yusuff Zaky Haji Yacob. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kajian analisis data teks terjemahan yang telah diterjemahkan yang melibatkan satu set daripada bahasa asal dan satu set terjemahan. Sampel data daripada bahasa Arab dipilih daripada sumber yang telah dijelaskan iaitu yang telah diterjemahkan dan diterbitkan. Persampelan kajian ini hanya tertumpu kepada teks Kudus iaitu ayat-ayat daripada al-Quran dan terjemahannya sahaja tanpa melibatkan teks lain selain daripada ayat al-Quran. Teks al-Quran yang dimaksudkan adalah daripada surah Tāha.

Analisis huraian sampel kajian

Sampel 1 (ayat 10)

هُدًى النَّارِ عَلَى أَجْدٍ أَوْ يَقْبَسٍ مِنْهَا أَتِيكُمْ لَعَلَّ تَارَاءُ أَنْ تَسْتَأْتُوا مَكْتُبًا إِلَّا هَلْهَ فَقَالَ تَارَاءُ إِذَا

Terjemahan teks sumber:

Ketika dia melihat api lalu dia pun **berkata** kepada keluarganya: Tinggallah kamu (di sini) sesungguhnya aku nampak api, mudah-mudahan aku dapat membawa kepada kamu sedikit darinya atau mendapat pemandu jalan ditempat api itu.

Ulasan :

Dalam ayat 10, surah Tāha ini, penterjemah menterjemahkan leksikal *qāla* (قال) dengan padanan makna dia **berkata**. Berkata seperti yang disebutkan sebelum ini adalah mengeluarkan apa-apa yang terfikir dengan kata-kata, mengeluarkan kata-kata, bertutur (2005: 685). Manakala menurut Tesaurus Bahasa Melayu edisi kedua pula, menyebut antara maknanya ialah *berbahasa, berbincang, berbicara, bercakap, berucap, berfirman, berlafaz, bersabda, bersyarah, bertitah bertutur* (2011: 32). Justeru padanan makna yang dipilih oleh penterjemah adalah tidak menyimpang dari makna katawi atau makna kamus yang terdapat dalam KBAMD pada muka surat 1954. Terjemahan ini mengikut konteks ayat adalah kurang sesuai dalam membantu pemahaman pembaca terhadap konteks ayat. Manakala dari sudut teori terjemahan, penterjemah menterjemah leksikal *qāla* di sini dengan menggunakan TS berbanding TK kerana didapati penterjemah cuba mengekalkan keaslian makna daripada teks bahasa sumber. Namun, jika TK dilihat perlu maka terjemahan dengan makna memerintah lebih sesuai untuk leksikal *qāla* dalam ayat ini. Pengkaji mencadangkan agar terjemahan ini diubah seperti berikut:

*Ketika dia melihat api lalu dia pun **memerintahkan** kepada keluarganya: Tinggallah kamu (di sini) sesungguhnya aku nampak api, mudah-mudahan aku dapat membawa kepada kamu sedikit darinya atau mendapat pemandu jalan ditempat api itu.*

Sampel 2 (ayat 18)

أَحْرَى مَّارِبٍ فِيهَا وَلِي غَنَمِي عَلَىٰ بِهَا وَأَهْشُ عَلَيْهَا تَوَكَّؤُا عَصَايَ هِيَ قَالَ

Terjemahan teks sumber:

JawabMusa : Ini adalah tongkatku. Aku bertebaran di atasnya dan memukul daun-daun dengannya untuk makanan kambingku dan ada lagi keperluan-keperluanku yang lain.

Ulasan :

Terjemahan leksikal *qāla* (قال) dalam ayat ini 18 surah Tāha ini pula dipadankan dengan makna **jawab**. Padanan terjemahan ini juga merupakan padanan yang jauh daripada terjemahan katawi seperti yang terdapat dalam KBAMD dan kamus-kamus Arab-Melayu lain. Terjemahan ini dilakukan oleh penterjemah bagi meraikan konteks ayat dan pertautan dengan ayat yang sebelumnya, iaitu ayat yang ke 17 yang berbentuk pertanyaan. Ayat yang dimaksudkan ialah :

يَمْوَسَىٰ يَمِينِكَ تِلْكَ وَمَا

Ayat ini diterjemahkan oleh penterjemah dalam *Tafsīr Fī Zilālil Qur'an* (Di bawah Bayangan al-Quran) dengan maksud : *Apakah benda di tangan kananmu itu, Wahai Musa?*(2000: 473). Oleh yang demikian, jika diteliti pada konteks ayat ini dan sebelumnya, pengkaji melihat terjemahan ini adalah selari dengan konteks dan sesuai dalam memberi fahaman kepada pembaca kerana terdapat kesinambungan ayat yang nyata dengan ayat yang sebelumnya. Dalam terjemahan ini didapati penterjemah tidak terikat dengan makna teks bahasa sumber, akan tetapi lebih mengutamakan pemahaman pembaca teks dalam bahasa sasaran. Oleh yang demikian terjemahan ini lebih bersifat TK berbanding TS. Pengkaji mencadangkan terjemahan asal **dikekalkan**.

Sampel 3 (ayat 25)

صَدَّرِي لِي أَشْرَحَ رَبِّ قَالَ

Terjemahan teks sumber:

Lalu Nabi Musa berdo'a : Ya Tuhanku ! Lapangkanlah dadaku!

Ulasan :

Terjemahan leksikal *qāla*(قال) dalam ayat ini dipadankan dengan terjemahan **lalu** Nabi Musa **berdo'a** oleh penterjemah. Terjemahan ini merupakan terjemahan yang tidak selari dengan KBAMD dan kamus Arab Melayu lain kerana terjemahan leksikal ini dalam KBAMD adalah *berkata-kata* atau *bercakap* (2006:1954). Manakala penambahan wacana **lalu** di hadapan perkataan *berkata* oleh penterjemah boleh dianggapkan bagi mewujudkan kesinambungan ayat dengan ayat sebelumnya. Dalam bahasa Melayu **lalu** bermaksud *kemudian, selanjutnya, seterusnya* seperti yang terdapat dalam Tesaurus Bahasa Melayu Edisi Kedua (2011 :129).

Manakala dari sudut sintaksisnya, **lalu** ialah kata hubung gabungan, iaitu jenis kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya (Tatabahasa Dewan, 2011: 251). Justeru, terjemahan ini menunjukkan pertautan dengan ayat sebelumnya kerana terdapat pada terjemahannya kata hubung gabungan. Antara makna lain yang boleh digunakan dalam terjemahan sampel ini, adalah *kemudian Musa berdo'a, selanjutnya Musa berdo'a, seterusnya Musa berdo'a*. Semua padanan ini dianggap sesuai dan boleh membantu pembaca memahami konteks ayat. Jika dilihat kepada konteks ayat, terjemahan ini adalah sesuai kerana dalam ayat terdapat unsur permintaan atau permohonan kehambaan kepada Tuhannya. Terjemahan ini lebih bersifat kepada TK berbanding TS kerana terdapat unsur tidak terlalu terikat kepada makna dan teks bahasa sumber, tetapi ada unsur menekankan aspek pembaca dan bahasa sasaran. Terjemahan dicadangkan agar **dikekalkan** seperti asal.

Sampel 4 (ayat 40)

كَانَ الْعَمْرِيُّ مِنْ فَتَجِيَّتِكَ نَفْسًا وَقَتَلْتَ تَحْزَنَ وَلَا عِيَهَا تَقْرِي أُمِّكَ إِلَىٰ فَرَجَعْنَا كَيْفَلُهُ مِنْ عَلِيٍّ أَدُلُّكُمْ هَلْ فَتَقُولُ أُحْتَلِكُ تَمْشِي إِذْ
يَمُوسَىٰ قَدَرِ عَلَىٰ جِئْتُمْ مَدِينَ أَهْلِ فِي سِنِينَ فَلَبِثْتُ فُتُونًا وَفَتَدَ

Terjemahan teks sumber:

Ketika kakakmu berjalan lalu **berkata** (kepada keluarga Fir'aun): Dapatkah saya tunjukkan kepada kamu seorang yang boleh membelakannya? Lalu Kami memulangkanmu kepada ibumu supaya hatinya senang dan tidak lagi berdukacita. Dan engkau telah membunuh seorang manusia lalu Kami selamatkanmu dari kesusahan dan Kami telah mengujimu dengan berbagai ujian. Kemudian engkau telah tinggal beberapa tahun dalam kalangan penduduk Madyan kemudian engkau datang kembali mengikut waktu yang telah ditetapkan, wahai Musa.

Ulasan :

Terjemahan leksikal *qāla* (قال) dalam ayat ini dipadankan dengan terjemahan **berkata** oleh penterjemah. Terjemahan *berkata* merupakan terjemahan yang selari dan terdapat dalam KBAMD dan kamus Arab Melayu lain. Manakala penambahan wacana **lalu** dihadapan perkataan **berkata** oleh penterjemah boleh dianggapkan bagi mewujudkan kesinambungan ayat dengan ayat sebelumnya, lalu dalam terjemahan ini mungkin terjemahan bagi harf *fā'* yang terdapat pada pangkal leksikal *qala* dan derivasinya. *lalu* merupakan kata hubung gabungan yang bertugas menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya (2011: 251). Dalam bahasa Melayu, *lalu* bermaksud *kemudian*, *selanjutnya*, *seterusnya* (2011: 129). Semua padanan ini dianggap sesuai dan boleh membantu pembaca memahami konteks ayat. Seterusnya, jika dilihat kepada konteks ayat terjemahan ini adalah kurang sesuai kerana dalam ayat terdapat unsur pertanyaan yang berlaku. Justeru, satu terjemahan yang lebih sesuai perlu digunakan dalam membantu meningkatkan pemahaman pembaca. Terjemahan ini lebih bersifat TS berbanding TK kerana cirinya masih bersifat setia kepada teks bahas sumber, walaupun terdapat usaha untuk menjadikan bentuknya lebih komunikatif tetapi terjemahan *lalu* bukannya khusus untuk leksikal *qāla* dan derivasinya tetapi adalah lebih kepada terjemahan partikel *fā'*. Cadangan terjemahan adalah seperti berikut:

*Ketika kakakmu berjalan lalu **bertanya** (kepada keluarga Fir'aun): Dapatkah saya tunjukkan kepada kamu seorang yang boleh membelakannya? Lalu Kami memulangkanmu kepada ibumu supaya hatinya senang dan tidak lagi berdukacita. Dan engkau telah membunuh seorang manusia lalu Kami selamatkanmu dari kesusahan dan Kami telah mengujimu dengan berbagai ujian. Kemudian engkau telah tinggal beberapa tahun dalam kalangan penduduk Madyan kemudian engkau datang kembali mengikut waktu yang telah ditetapkan, wahai Musa.*

Sampel 5 (ayat 57)

يَمُوسَىٰ بِسِحْرِكَ أَرْضَنَا مِنْ لَتُنْخَرِجَنَا أَجِئْتَنَا قَالَ

Terjemahan teks sumber :

Fir'aun **berkata**: Adakah (tujuan) engkau datang kepada kami untuk mengusir kami dari negeri kami dengan (kepandaian) sihirmu, wahai Musa?

Ulasan:

Berdasarkan sampel ini, penterjemah menterjemahkan leksikal *qāla* dengan padanan berkata seperti yang terdapat dalam KBAMD tanpa ada penambahan imbuhan atau perubahan. Walau bagaimanapun jika diamati konteks ayat ini didapati bahawa situasi pertanyaan wujud antara Fir'aun dengan Nabi Musa yang menanyakan tujuan Musa datang kepada mereka, adakah untuk mengusir mereka dari negeri mereka? Jika diteliti dalam konteks ayat ini terjemahan *berkata* harus diubah mengikut konteks ayat dengan terjemahan yang lebih sesuai dengan tujuan bertanya agar dapat membantu pembaca memahami situasi keseluruhan ayat. *Bertanya* mengikut Tesaurus Bahasa Melayu Edisi Kedua (2011: 271) adalah *soal, pertikai, ragui, temu ramah, temuduga, wawancara, temu bual, duga, risik*. Oleh yang demikian, penterjemah boleh memadankan makna dengan pilihan yang sesuai. Terjemahan ini menjurus kepada TS berbanding TK kerana penterjemah masih terikat kepada makna dan teks bahasa sumber dalam terjemahan leksikal *qāla* dalam ayat ini. Cadangan terjemahan pula adalah:

Fir'aun bertanya: Adakah (tujuan) engkau datang kepada kami untuk mengusir kami dari negeri kami dengan (kepandaian) sihirmu, wahai Musa?

Analisis Kekontekstualan Leksikal *Qāla* dan Derivasinya

Bagi melihat analisis Ṭāha kekontekstualan terjemahan leksikal *qāla* dan derivasinya dalam surah Ṭāha pengkaji memuatkan analisis tersebut dalam rajah berikut:

Jadual 1: Analisis Penilaian Kekontekstualan Terjemahan Leksikal *Qāla* dan Derivasinya dalam Surah Ṭāha Berdasarkan Terjemahan KBAMD, KAMAM, KAMO, dan KAMMT

Bil.	Leksikal <i>Qāla</i> dan Derivasinya	Terjemahan Ayat yang Mengandungi Leksikal <i>Qāla</i> dan Derivasinya	Terjemahan KBAMD, KAMAM, KAMO dan KAMMT	Ketepatan Terjemahan			PK
				T	HT	TT	
1.	<p>الْأَهْلِهِ فَقَالَ تَارَرَأْرَاءِ إِذْ تَارَرَأْرَاءِ أَنْتَ إِنِّي أَمْكُثُ قَبَسٍ مِنْهَا أَيْ كَمْرٍ لَعَلِّي دَى النَّارِ عَلَى أَجْدَأْوِدِ</p>	<p>Ketika dia melihat api lalu diapun berkata</p> <p>Kepada keluarganya: Tinggallah kamu (di sini) sesungguhnya aku nampak api, mudah-mudahan aku dapat membawa kepada kamu sedikit darinya atau mendapat pemandu jalan di tempat api</p>	<p>Berkata-kata, bercakap (KBAMD)</p> <p>Berkata ia, Bercakap ia (KAMAM)</p> <p>Berkata, bercakap (KAMO)</p> <p>Berkata, Bercakap (KAMMT)</p>	√			BK

		itu.					
2.	<p>وَأَعْصَىٰ هِيَ قَالَتْ بِهَا وَأَهْشُ عَلَيْهَا أَتَوَكَّلُ بِفِيهَا وَلِي غَنَمِي عَلَىٰ أُخْرَىٰ مَثَارٌ ﴿١٧﴾</p>	<p>Jawab Musa: Ini adalah tongkatku. Aku bertelekan di atasnya dan memukul daun-daun dengannya untuk makanan kambingku da nada lagi keperluan-keperluan yang lain.</p>	<p>Berkata-kata, bercakap (KBAMD) Berkata ia, Bercakap ia (KAMAM) Berkata, bercakap (KAMO) Berkata, Bercakap (KAMMT)</p>			√	K
3.	<p>يَا مُوسَىٰ أَلْقِهَا قَالَتْ ﴿١٨﴾</p>	<p>Allah berfirman: Campakkan tongkat itu wahai Musa!</p>	<p>Berkata-kata, bercakap (KBAMD) Berkata ia, Bercakap ia (KAMAM) Berkata, bercakap (KAMO) Berkata, Bercakap (KAMMT)</p>			√	K
4	<p>أَتَخَفُوا وَلَا خُذْهَا قَالَتْ وَلِي سِيرَتَهَا سَنُعِيدُهَا أَلَّا ﴿١٩﴾</p>	<p>Allah berfirman: Tangkapkannya dan jangan engkau takut kerana Kami akan mengembalikannya kepada keadaannya yang asal.</p>	<p>Berkata-kata, bercakap (KBAMD) Berkata ia, Bercakap ia (KAMAM) Berkata, bercakap (KAMO) Berkata, Bercakap (KAMMT)</p>			√	K
5.	<p>رَبِّ لِي أَسْرَحْ رَبِّ قَالَتْ صَدِّ ﴿٢٠﴾</p>	<p>Lalu Musa berdoa: Ya Tuhanku! lapangkanlah dadaku!</p>	<p>Berkata-kata, bercakap (KBAMD) Berkata ia, Bercakap ia (KAMAM) Berkata, bercakap (KAMO)</p>			√	K

			Berkata, Bercakap (KAMMT)				
6.	سُؤْلِكَ أُوتِيَتْ قَدْ قَالَ يَمُوسَى	Allah berfirman : Segala permintaan itu telah diperkenankan-ku, wahai Musa.	Berkata-kata, bercakap (KBAMD) Berkata ia, Bercakap ia (KAMAM) Berkata, bercakap (KAMO) Berkata, Bercakap (KAMMT)			√	K
7.	وَلِأَخْتِكَ تَمَشِي إِذْ مَنْ عَلَى أَدْلُكُمْ هَلْ فَتَقْ إِلَى فَرَجَعْنَاكَ يَكْفُلُهُ نَ وَلَا عَيْنَهَا تَقْرَى أُمِّكَ يَبْنَاكَ نَفْسًا وَقَتْلَتْ نَحْرَ أَوْفَتْنَاكَ الْغَمِّ مِنْ فَتَجْ لِ فِي سِنِينَ فَلَبِثْتَ فِتُونِ عَلَى جِئْتَهُمْ مَدِينًا هُ يَمُوسَى قَدَر	Ketika kakakmu berjalan lalu berkata (keluarga Fir'aun): Dapatkan saya tunjukkan kepada kamu seorang yang boleh membelakannya? lalu kami memulangkanmu kepada ibumu supaya hatinya senang dan tidak lagi berduka cita. Dan engkau telah membunuh seorang manusia lalu Kami selamatkanmu dari kesusahan dan Kami telah mengujimi dengan berbagai-bagai ujian. Kemudian engkau telah tinggal beberapa tahun dalam kalangan penduduk Madyan kemudian engkau datang kembali mengikut waktu yang telah ditetapkan, wahai	Berkata-kata, bercakap (KBAMD) Berkata ia, Bercakap ia (KAMAM) Berkata, bercakap (KAMO) Berkata, Bercakap (KAMMT)	√			BK

		Musa.					
8.	<p>لَهُ لِيُنَاقِلَهُ فِقُولًا  حَشَىٰ أَوْ تَدَّكَرْلَع</p>	<p>Dan berbicaralah kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut semoga dia insaf atau takut (kepada Allah).</p>	<p>Berkata-kata, bercakap (KBAMD) Berkata ia, Bercakap ia (KAMAM) Berkata, bercakap (KAMO) Berkata, Bercakap (KAMMT)</p>			√	K
9.	<p>أَنْ خَافُوا نَنْزِيلَنَا قَالَا  يَطْغَىٰ أَنْ أُوْعَلَيْنَا يُفْرَط</p>	<p>Mereka berdua berkata: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami merasa bimbang dia akan bertindak segera menyeksakan kami atau berlagak angkuh.</p>	<p>Berkata-kata, bercakap (KBAMD) Berkata ia, Bercakap ia (KAMAM) Berkata, bercakap (KAMO) Berkata, Bercakap (KAMMT)</p>	√			BK
10.	<p>مَا إِنِّي خَافًا لَقَالَ  وَأَرَىٰ أَسْمَعُ مَعَكَ</p>	<p>Allah berfirman: janganlah kamu berdua merasa bimbang kerana sesungguhnya Aku bersama kamu, Aku sentiasa mendengar dan melihat.</p>	<p>Berkata-kata, bercakap (KBAMD) Berkata ia, Bercakap ia (KAMAM) Berkata, bercakap (KAMO) Berkata, Bercakap (KAMMT)</p>			√	K
11.	<p>رَسُولًا إِنَّا فُقُولًا فَأْتِيَاهُ بِنِي مَعْنَا فَأَرْسِلْ رَبِّكَ تُعَذِّبُهُمْ وَلَا إِسْرَاءَ إِلَيْكَ بِكَ مِنْ بِنَايَةِ حَيْثُنَا قَدْ تَبِعَ مِنْ عَلَىٰ وَالسَّلْمُ رُدُّ  أَهْدَىٰ</p>	<p>Hendaklah kamu berdua menemuainya dan katakanlah: sesungguhnya kami berdua adalah utusan dari Tuhanmu. Oleh itu lepaskanlah Bani Israel keluar bersama kami dan janganlah engkau tindaskan mereka. Sesungguhnya</p>	<p>Berkata-kata, bercakap (KBAMD) Berkata ia, Bercakap ia (KAMAM) Berkata, bercakap (KAMO) Berkata, Bercakap (KAMMT)</p>	√			BK

		kami telah membawa kepadamu bukti dari Tuhanmu, dan kesejahteraan itu dikurniakan kepada sesiapa yang mengikut hidayat Allah.					
12.	<p>وَسَىٰ رَبُّكُمْ أَفَمَن قَالَ ﴿١٢﴾</p> <p>﴿١٢﴾</p>	<p>Fir'aun bertanya: Siapakah Tuhan kamu berdua, wahai Musa?</p>	<p>Berkata-kata, bercakap (KBAMD) Berkata ia, Bercakap ia (KAMAM) Berkata, bercakap (KAMO) Berkata, Bercakap (KAMMT)</p>			√	K
13.	<p>أَعْطَىٰ الَّذِي رَبُّنَا قَالَ ﴿١٣﴾</p> <p>﴿١٣﴾</p>	<p>Jawab Musa: Tuhan kami ialah (Tuhan) yang telah memberikan kepada setiap sesuatu itu bentuk kejadian yang sesuai dengannya, kemudian Dia memberi hidayat.</p>	<p>Berkata-kata, bercakap (KBAMD) Berkata ia, Bercakap ia (KAMAM) Berkata, bercakap (KAMO) Berkata, Bercakap (KAMMT)</p>			√	K
